

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 December 2015

Prasyarat sektor pertanian negara untuk mampu bersaing dan berjaya

# Kuasai pasaran dunia - Najib

Oleh HUSSAINI AMRAN  
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 DIS.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, sektor pertanian negara perlu menguasai pasaran dunia agar mampu berdaya saing secara terbuka di peringkat global.

Perdana Menteri memberitahu, keupayaan berdaya saing di pentas antarabangsa merupakan prasyarat untuk memajukan sektor berkenaan.

Menurut beliau, kerajaan juga mengambil pendekatan strategik di peringkat global dengan menyertai inisiatif Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"Kita mesti menjadi pelaku di peringkat global dan bersaing dengan negara-negara yang lebih maju, sekali gus harus berjaya dalam persaingan tersebut.

"Barulah kita akan jadi bangsa

yang berjaya, bangsa yang merdeka dan berdaulat serta mesti disegani dan dihormati di persada dunia," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan 50 Tahun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; timbalannya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Nogeh Gumbek serta Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amiruldin.

Dalam majlis sama, Perdana Menteri turut melancarkan Agrobaazaar Online, program francais KopieSatu, skim pinjaman mikro Kredit di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri dengan dana RM50 juta dan durian jenis 'Musang Queen'.

Beliau yang juga Menteri Kewangan mengumumkan kelulusan

peruntukan sebanyak RM220 juta untuk membina Pusat Agromakanan yang turut berfungsi sebagai ibu pejabat baharu FAMA.

Najib menambah, penguasaan pasaran global dan terbuka mesti dipacu oleh produktiviti dan inovasi dengan menggunakan teknologi terkini serta amalan terbaik.

Beliau memberitahu, pemasaran hasil pertanian tidak boleh lagi bergantung kepada cara lama termasuk kaedah jualan di tepi jalan.

"Banyak cara dan kaedah untuk melakukannya, sebab itu saya menggalakkan penubuhan Agrobaazaar di China dan Singapura," jelasnya.

Selain itu, Najib berkata, kerajaan telah berunding dengan rangkaian pasar raya besar LuLu dari Asia Barat untuk memasarkan hasil pertanian dari negara ini di rantau berkenaan.

"Apabila kita eksport ke Asia Barat, kita akan dapat harga yang jauh lebih tinggi berbanding jualan di tepi jalan," ujarnya.

Sementara itu, beliau memberitahu, para petani, nelayan dan penternak sewajarnya menerima harga yang setimpal dan adil dengan usaha serta titik peluh mereka.

"Kalau daripada RM10, janganlah mereka dapat dalam RM1 atau RM2 sahaja sedangkan pihak lain dalam rantaian bekalan makanan dapat lebih, malah saya mahu melihat mereka dapat jumlah lebih besar, sekurang-kurangnya RM4," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan Ahmad Shabery agar Pesta Makanan yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 FAMA kali ini dijadikan acara tahunan serta dianjurkan seminggu sebelum Perhimpunan Agung UMNO.

Beliau menjelaskan, pertimbangan itu dibuat berdasarkan sambutan menggalakkan daripada orang ramai serta potensi acara berkenaan untuk dijadikan aktiviti pelancongan.

UM - 6/12/2015



NAJIB TUN RAZAK menggunakan tablet bagi merasmikan Majlis Sambutan 50 Tahun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sambil disaksikan Rosmah Mansor, Ahmad Shabery Cheek (lima dari kanan), Tajuddin Abdul Rahman (dua dari kanan), Nogeh Gumbek (kanan), Abu Zahar Ujang (tiga dari kanan) dan Badruddin Amiruldin (tiga dari kiri) di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/NASIRRUDDIN YAZID